

14/10/02 (Chomis)  
P. 6 (Edisi Icha (Cepatuan))

## Kuktem tambah peluang masuki IPTA

Oleh Sariha Mohd Ali

PEMBUKAAN Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) di Kuantan, iaitu institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-16 negara, membuka peluang lebih luas kepada pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Kuktem, universiti pertama di Pahang adalah universiti teknikal ber-

taraf dunia berdasarkan kemahiran berfungsi membangunkan sumber manusia dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri kimia dan petrokimia, sumber asli dan industri pembuatan serta automotif.

Rektor Kuktem, Prof Dr Abu Azam Md Yassin, berkata Jawatankuasa Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan pada Mac lalu meluluskan penubuhan lima fakulti iaitu Teknologi Kejuruteraan Elektrik

dan Elektronik, Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam.

Empat fakulti dan dua pusat pengajian lagi akan ditubuhkan pada 2005 iaitu Kejuruteraan Pembuatan, Sains Industri, Kejuruteraan Mekatronik dan Robotik, Pengurusan Teknologi, Pengajian Sains So-

sial dan Pasca Ijazah.

Beliau berkata, pengambilan pertama pelajar Kuktem bagi kampus sementara di Bandar Indra Mahkota di sini membabitkan kemasukan 310 orang yang dipilih menerusi Unit Pusat Universiti (UPU) berdasarkan kepada keputusan pendidikan mereka di peringkat matriculasi, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

"Pada masa ini, operasi Kuktem menggunakan bekas kampus cawangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Indra Mahkota yang mampu menampung 310 pelajar kumpulan pertama.

"Bermula Mei tahun depan, kita akan memindahkan semua operasi Kuktem ke kampus sementara di Bandar MEC, Gambang yang mampu menampung 3,500 orang," katanya.